

Ruj. Kami : MQA.100-1/3/1 ( 1 )

Tarikh : 1 Disember 2023

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

PEKELILING MQA BIL. 4/2023

**GARIS PANDUAN AMALAN BAIK: VERIFIKASI KUALITI STAND-ALONE MICRO-CREDENTIALS (GUIDELINES TO GOOD PRACTICES: QUALITY VERIFICATION OF STAND-ALONE MICRO-CREDENTIALS, GGP: QVSAMC)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah menerbitkan dokumen Garis Panduan Amalan Baik: *Micro-credentials* (Guidelines to Good Practices: Micro-credentials, GGP: Micro-credentials) yang mana pemakaiannya telah dikuatkuasakan melalui Surat Makluman MQA Bil. 8/2020 bertarikh 10 Ogos 2020. Dokumen ini telah menjadi rujukan dan panduan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam pembangunan program atau kursus berbentuk *Micro-credential* daripada program yang telah mendapat akreditasi.

3. Bagi menggalakkan kepelbagaian inovasi ke arah pendidikan tinggi yang lebih fleksibel, MQA bersama beberapa panel pakar telah membangunkan dokumen Garis Panduan Amalan Baik: Verifikasi Kualiti *Stand-Alone Micro-Credentials* (Guidelines To Good Practices: Quality Verification of Stand-Alone Micro-Credentials, GGP: QVSAMC) bagi memberi panduan dan rujukan kepada PPT atau penyedia latihan dalam menawarkan kursus *Stand-alone Micro-credentials* (SAMC). GGP: QVSAMC yang dibangunkan adalah berdasarkan keperluan majikan dan industri dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi spesifik.

4. Tujuan utama GGP:QVSAMC dibangunkan adalah untuk:

- i) menggariskan dasar dan prinsip amalan baik serta menyediakan panduan yang komprehensif bagi proses verifikasi kursus SAMC;
- ii) menggalakkan penilaian kualiti secara sukarela bagi kursus SAMC yang ditawarkan oleh PPT dan penyedia latihan; dan



TNC AT1  
PBZUA  
P PFAA  
P CALM

Utc matlawa  
dan tindakan  
lanjut

Prof Dr. Hj Ahmad Hata Rasit  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Sarawak  
94300 Kota Samarahan

gah/ry

Sahua  
up d  
TP/PC.

Dr Kartini bt Abd Ghani  
Pengerusi  
Pusat Pembelajaran Gunaan dan Multimedia  
Universiti Malaysia Sarawak

iii) memberikan panduan tentang mekanisme penilaian terhadap reka bentuk dan penyampaian kursus SAMC berdasarkan tahap kelayakan pendidikan tinggi.

5. Dokumen GGP: QVSAMC ini mengandungi komponen-komponen berikut:

<b>SECTION</b>	<b>CONTENT</b>
1	<i>Overview</i> <i>1.1 Purpose of the Guidelines to Good Practices</i> <i>1.2 The Concept of Quality Verification of Samcs</i> <i>1.3 General Principles of Stand-Alone Micro-Credentials</i>
2	<i>Policies on Stand-alone Micro-Credentials Quality Verification</i>
3	<i>Quality Verification Centres</i> <ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Quality Verification Centres: The Requirements</i></li><li>• <i>Quality Verification Centre (Application, Evaluation, Approval And Monitoring)</i></li></ul>
4	<i>Quality Verifications of Stand-alone Micro-Credentials</i>
5	<i>Roles of MQA</i>

6. Pelaksanaan terhadap pemakaian GGP:QVSAMC akan dijalankan secara berfasa mulai 01 Disember 2023. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan pemakluman yang akan dikeluarkan oleh MQA dari semasa ke semasa berdasarkan fasa yang ditetapkan.

7. Dokumen GGP:QVSAMC ini boleh dirujuk dan dimuat turun melalui portal MQA, [www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**"PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL"**

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**DATO' PROF. DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)**